

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

## ‘Kerajaan bergelut kekal sistem kesihatan percuma’

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semakin bergelut untuk mengekalkan sistem penjagaan kesihatan percuma, terutama dalam berdepan peningkatan kos dan demografi menua.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, bagaimanapun berkata masalah berkenaan bukan hanya dihadapi Malaysia, malah turut berlaku di United Kingdom (UK).

Katanya, seperti UK, Malaysia mempunyai sistem penjagaan kesihatan percuma, yang menyediakan penjagaan berkualiti dengan cara yang saksama.

“Sama seperti UK, Malaysia juga semakin bergelut untuk mengekalkan perkhidmatan kita, terutama dalam berdepan kenaikan kos dan demografi menua,” katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

**Rangka kerja lebih mampan**  
Terdahulu, Dr Zaliha memuat naik ciapan mengenai kehadiran beliau ke mesyuarat Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Ke-152.

Beliau juga ke UK bagi menyertai perbincangan panel di Universiti Oxford.

“Perbincangan berkenaan menekankan keperluan untuk menjamin perkhidmatan penja-

gaan kesihatan pada masa hadapan, selaras dengan usaha Kertas Putih Kesihatan yang berterusan.

“Satu rangka kerja untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih mampan dan berdaya tahan akan disediakan bagi memenuhi keperluan rakyat,” katanya.

Panel perbincangan itu turut dihadiri Ketua Pengarah Kesi-

hatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Profesor Madya Perubatan Kardiovaskular Universiti Oxford, Prof Dr Masliza Mahmod.

Perbincangan berkenaan menyentuh beberapa topik, antaranya cabaran dihadapi sistem penjagaan kesihatan di seluruh dunia dan kolaborasi penyelidikan melangkaui sempadan.



Dr Zaliha (tengah) bersama Dr Noor Hisham dan Dr Masliza pada perbincangan panel di Universiti Oxford sebelum menghadiri mesyuarat WHO Ke-152 di United Kingdom.  
(Foto ihsan FB Dr Zaliha Mustafa)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

# Pegawai kontrak minta diserap terus ke jawatan tetap

Calon kecewa pengalaman tak diambil kira, perlu guna Sistem SPA9

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Selama enam tahun berkhidmat secara kontrak, pegawai farmasi dari Melaka kecewa kerana permohonan jawatan tetap masih perlu dibuat melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Sistem SPA9), berbanding diserap secara automatik.

Pegawai farmasi itu yang hanya mahu dikenali sebagai Amira, 31, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) seharusnya menyerap terus lantikan kontrak kepada tetap, apatah lagi mereka semua mempunyai rekod yang baik sepanjang berkhidmat dengan kerajaan.

Amira berkata, beliau yang sudah dua kali sebelum ini menghadiri temu duga secara fizikal iaitu pada 2019 dan 2022 mengakui mengalami 'keletihan' kerana perlu mengulangi proses sama buat kali ketiga.

Katanya, pengorbanan dan

perjuangannya selama enam tahun sebagai pegawai kontrak sehingga terpaksa berdepan 'stigma' yang menyebabkan beliau terpaksa memikul beban kerja berlebihan dan dinafikan menghadiri beberapa kursus penting, seharusnya dihargai KKM dengan membuat lantikan ke perjawatan tetap secara terus.

"Saya masih teringat sesi temu duga pertama yang saya hadiri pada 2019 di Shah Alam, bersama beratus-ratus lagi pemohon, sedangkan kekosongan hanya 30 tempat. Saya betul-betul ingin dapatkan jawatan tetap sehingga sanggup pergi awal dan bermalam di sana bagi memudahkan urusan temu duga.

"Selepas temu duga, saya sering membuat susulan dengan KKM dan pejabat kesihatan daerah untuk mengetahui mengenai status saya, namun akhirnya kecewa kerana tidak berjaya.

"Begitu juga jalan ceritanya melalui temu duga kali kedua tahun lalu. Kami sudah berikan yang terbaik, namun kegagalan temu duga tanpa sebab atau tiada hitam putih membuatkan kami kecewa dan letih.

"Apa sebenarnya yang menjadi kayu ukur bagi seseorang calon yang mendapat jawatan tetap? Adakah kami tidak layak dan kalau benar, di mana kurangnya sebab berdasarkan rekod markah log book, dalam kalangan kami ada yang mencecah sehingga 95 peratus.

Maksudnya markah itu tinggi," katanya kepada BH, di sini.

Jumaat lalu, KKM membuka permohonan jawatan tetap bagi pegawai perigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak 2016 dan 2017 untuk 242 pegawai perigian dan 321 pegawai farmasi.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, permohonan itu boleh dibuat melalui Sistem SPA9 mulai 30 Januari hingga 12 Februari ini.

## Persoal langkah KKM

Gerakan Hartal Farmasi Kontrak mempersoal langkah KKM meminta mereka melalui proses permohonan dan temu duga bagi mengisi kekosongan jawatan tetap, sedangkan pegawai kontrak terlibat sudah mempunyai pengalaman sewajarnya.

Pada masa sama, Amira yang sebelum ini mengambil jurusan farmasi di University of Cyberjaya, berkata pihaknya mengaiki wujud budaya 'antara dua darjat' antara pegawai tetap dan kontrak sepanjang berkhidmat.

"Dari segi gaji tiada masalah. Saya rasa sama sahaja cuma aspek bidang tugas, selama enam tahun saya klinik kesihatan awam, beberapa kali peluang saya terlepas untuk mengikuti kursus penting dan program dianjurkan KKM.

"Setiap kali nama naik untuk mengikuti kursus akhirnya digugurkan kerana saya masih berstatus kontrak," katanya.

## 'Hanya 100 kekosongan juruteknik makmal perubatan ditawarkan'

**Kuala Lumpur:** Penjawat kontrak juruteknologi makmal perubatan mendakwa mereka senasib dengan ribuan petugas kontrak dalam sektor kesihatan awam lain kerana kerajaan hanya membuka permohonan perjawatan tetap dalam jumlah kecil.

Wakil juruteknologi makmal perubatan gred U29, yang mahu dikenali Vishen, 29, berkata hanya 100 kekosongan ditawarkan bagi jawatan tetap, manakala 100 lagi sebagai simpanan.

Beliau yang sudah berkhidmat lebih dua tahun di sebuah hospital kerajaan menegaskan tawaran kepada juruteknologi makmal perubatan tidak adil kerana tidak setara dengan tawaran membabitkan perjawatan lain seperti pegawai perubatan, farmasi dan perigian.

Memiliki pengalaman bekerja di makmal swasta selama empat tahun, tegasnya, langkah itu dilihat bagi menafikan peranan mustahak penjawat itu dalam kesihatan awam, lebih lagi ketika negara dilanda COVID-19.

"Jumlah keseluruhan kami 1,300 orang. Kami sanggup bersama petugas kesihatan sedia ada untuk melawan COVID-19 ketika itu.

"Walaupun kami tahu risiko yang bakal hadapi dan kami ada pilihan sama ada menerima atau sebaliknya tawaran sebagai kakitangan kontrak juruteknologi makmal perubatan.

"Tetapi demi slogan keselamatan Malaysia, kami sanggup terima seruan pihak kerajaan kerana waktu itu kami sedar sistem kesihatan kita hampir lumpuh disebabkan petugas kesihatan sedia ada tidak mampu

menanggung beban kerja yang teramat banyak.

"Pada November tahun lalu, kami diberitahu ada ujian kompetensi dan sesi temu duga untuk ke lantikan tetap, tetapi amat menyedihkan apabila hanya 100 kekosongan dan 100 sebagai simpanan.

"Perkara ini sangat tidak adil bagi kami kerana kami bersama berjuang dan berkorban melawan pandemik.

"Selepas negara beralih ke fasa endemik, jawatan kami seolah-olah tidak dipandang dan kepentingan kami dalam sistem kesihatan negara dinafikan," katanya semalam.

Mengenai juruteknologi makmal perubatan U29, beliau menjelaskan jawatan itu bukan tajaan Kementerian Kesihatan (KKM).

Ini bermaksud, katanya, mereka pemegang diploma teknologi makmal perubatan atau setaraf daripada institut pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS) yang diberikan peluang berkhidmat untuk negara ketika fasa pandemik bermula sejak 2020.

Beliau berharap KKM menambah kuota perjawatan terbabit dengan segera selaras penambahan beban tugas di fasiliti kesihatan kerajaan.

Katanya, KKM juga diminta menyerap mereka berjawatan kontrak ke perjawatan tetap secara terus sama ada berperingkat atau sekali gus.

"Apakah nasib 470 calon yang tidak berjaya sesi temu duga dan bagaimana pula 670 orang lain yang langsung tidak diberi peluang untuk sesi temu duga?" katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# TIADA MASA DEPAN JADI DOKTOR DI MALAYSIA

Oleh MARLIA ZAKARIA

**PETALING JAYA** – Industri perubatan di Malaysia bakal berdepan dengan isu kekurangan kakitangan apabila ramai doktor muda memilih luar negara sebagai tempat mencari rezeki atas alasan sukar mengembangkan cita-cita sebagai pakar sepanjang berkhidmat di negara ini.

Selain itu, isu buli, tiada hala tuju dan sistem kontrak yang tidak jelas turut menjadi penyebab hingga mereka digelar pengkhianat negara kerana membuat keputusan tersebut.

Bukan itu sahaja, ada yang memberi alasan bahawa tekanan emosi dan psikologi disebabkan persekitaran negatif turut menyebabkan penghijrahan mereka ke tempat yang lebih menghargai kepakaran mereka.

## Ramai doktor muda tinggalkan negara kerana tiada jalan jadi pakar

Seorang doktor muda dikenali sebagai Azie, 29, berkata, dia nekad berpindah ke Ireland sejak sebulan lalu kerana industri di sana lebih menjanjikan masa depan kerjaya yang lebih baik.

Katanya, dia berpindah bukan kerana mengejar gaji yang lebih tinggi tetapi dia tidak pernah diberikan laluan untuk meneruskan cita-cita sebagai pakar sepanjang berada di Malaysia.

"Bukan saya tak sayang Malaysia atau gaji di Ireland

lebih tinggi tetapi saya langsung tidak berpeluang untuk meneruskan cita-cita selepas lapan tahun bekerja di Malaysia.

"Ketika latihan siswazah (*housemanship*), saya dah mula mohon teruskan pengajian di United Kingdom dan Ireland kerana saya tak nampak masa depan di Malaysia untuk sambung menjadi pakar," katanya kepada Kosmo!

► BERSAMBUNG  
DI MUKA 2



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEGARA

## DARI MUKA 1

Azie memberitahu, dia nekad berhenti berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan selepas lima tahun kerana minat dalam bidang klinikal.

Mengimbu semula keadaan sebelum dia berhijrah, Azie berkata, selepas tamat latihan, dia bertugas selama enam bulan di hospital kerajaan sebelum dihantar ke bahagian bukan klinikal selama 11 bulan.

Tambahnya, di situ, dia dan ramai lagi pegawai perubatan kontrak ditugaskan untuk menguruskan data Covid-19 kebangsaan dan beberapa kerja perkeranian lain.

"Banyak kali saya cari jalan untuk kejar impian tetapi jawapan tetap sama iaitu penempatan adalah mengikut keperluan semasa demi kepentingan perkhidmatan," katanya.

Azie mendakwa, situasi di hospital kerajaan dengan tenaga kerja yang berkurangan umpama menanti empuan yang sudah sekian lama untuk pecah dan melimpah.


Tambahnya, melalui pengalamannya, kebanyakan doktor bukan tidak mahu menyambung menjadi pakar tetapi laluan terlalu sulit dan terhad hingga membuat mereka menyetepikan cita-cita.

"Saya sudah menerima latihan merangkumi enam bidang kepakaran ketika housemanship tetapi tiada jalan di hadapannya. Saya tak lupa diri dan berdoa agar mampu menyelesaikan hutang pendidikan dengan gaji di sini," katanya.

Seorang lagi doktor yang dikenali sebagai Hana, 28, berkata, dia tak kisah digelar pengkhianat kerana memberi khidmat di luar negara.

"Saya dapat pinjaman lebih RM1 juta untuk melanjutkan

## Tiada masa depan jadi doktor di Malaysia



TEMPOH houseman didakwa menjadi tempat doktor muda dibuli kerana ada masanya mereka perlu bekerja selama 30 jam. — GAMBAR HIASAN

pelajaran di Ireland dan nekad untuk kerja di sini selepas tamat belajar selama lima tahun.

"Tak banyak perubahan yang boleh saya bawa jika bekerja di Malaysia. Saya harap untuk pulang sebagai pakar bukan sahaja dengan ilmu klinikal tetapi budaya kerja yang patut dipraktik-

kan di Malaysia," katanya.

Menurut Hana, setiap pekerja hospital Ireland diberi panduan jelas berkaitan buli selain menekankan budaya kerja berpasukan berbanding hierarki.

Sementara itu, Azizi, 29, yang baru enam bulan bertugas sebagai pegawai perubatan di United Kingdom mendakwa, sistem perubatan negara mengeksploitasi doktor-doktor muda.

"Setelah mempunyai pengalaman di dalam sistem kesihatan yang lain, saya yakin betapa doktor houseman (di Malaysia), dieksploitasi.

"Saya lega tidak lagi perlu melalui pengalaman masa kerja 30 jam seperti di Malaysia dan houseman di sini bekerja sama taraf dengan senior," katanya.



DOKTOR muda mendakwa laluan untuk menjadi pakar lebih terbuka luas di luar negara berbanding di Malaysia. — GAMBAR HIASAN



KERJAYA sebagai doktor menuntut pengorbanan dan sentiasa bersedia. — GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NEGARA



**PIHAK** berkuasa memeriksa sebahagian produk makanan di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu baru-baru ini.

## Rampas produk rosak

**KUALA TERENGGANU** – Sebanyak 107 produk makanan tamat tarikh luput telah dirampas Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu sempena perayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, sebanyak 50 bungkusan produk yang telah kemek, bocor dan rosak turut dirampas dalam operasi tersebut.

Beliau berkata, kesemua produk dirampas berkenaan seberat 67.8 kilogram dan nilai sitaan keseluruhan berjumlah RM1,177.

“Sebanyak empat notis kesalahan telah dikeluarkan kepada peniaga yang menjual produk yang telah tamat tarikh luput mengikut Peraturan 14(9) (b) Peraturan-Peraturan Makanan (Pengkompounan Kesalahan) 2017,” katanya.

Kasemani berkata, jumlah keseluruhan nilai kompaun yang telah dikeluarkan berjumlah RM19,500.

Tambahnya, operasi tersebut telah memeriksa 8,049 produk termasuk 385 hamper jualan khas sempena Tahun Baharu Cina di pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan pemborong bahan mentah di sekitar negeri ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA

## Rakyat perlu berwaspada kerana Covid-19 masih ada

**BENAR**, kes jangkitan Covid-19 di negara ini semakin mengecil. Ramai yang menarik nafas lega, bahkan rata-rata rakyat Malaysia sudah berani tidak memakai pelitup muka walaupun di tempat yang sesak dengan orang ramai.

Namun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terus menerus mengingatkan supaya kita semua tetap berwaspada dengan virus maut ini.

Agak mengecewakan apabila China enggan berkongsi data sebenar lonjakan kes semasa yang berlaku, sedangkan beberapa hospital dan bilik mayat di negara itu dikatakan berdepan kesesakan luar biasa.

Jumlah kematian yang dicatatkan didakwa hanya melibatkan rumah sakit, sementara di kawasan desa termasuk pesakit Covid-19 yang meninggal dunia di rumah, sebahagian besarnya tidak dimasukkan dalam statistik.

BBC pada 26 Januari lalu melaporkan, para pembuat keranda di daerah Shanxi masih tidak berhat kerana tempahan peti mayat meningkat secara mendadak. Merujuk laporan *Time*, varian Omicron telah berubah menjadi lebih daripada setengah dozen strain yang berbeza.

Terbaharu adalah BQ.1.1, XBB.1 dan XBB.1.5. Kesemua varian itu kini menyumbang hampir 90 peratus daripada jangkitan Covid-19 baharu di Amerika Syarikat.

Tiada vaksin khusus, sebaliknya formulasi bi-valen penggalak satu-satunya yang tersedia pada masa ini direka untuk varian Omicron BA.4 dan BA.5 yang tidak lagi menular secara meluas.

Di Malaysia, Kementerian Kesihatan menggalakkan orang ramai mendapatkan suntikan dos penggalak kedua sebagai usaha mengelakkan penularan berlaku. Bagaimanapun, ia tidak mendapat sambutan dan setakat 10 Januari lalu, hanya 2.1 peratus penduduk mendapatkannya.

Virus sentiasa berubah atau bermutasi. Bukan sahaja China, malah negara lain seperti Jepun, Brazil, Jerman dan Korea Selatan juga bergelut dengan peningkatan kes.

Hanya dos penggalak merupakan salah satu strategi negara melakukan transisi daripada pandemik ke fasa endemik. Jangan leka, kita masih perlu berwaspada.

Untuk melindungi diri sendiri, setiap individu perlu memainkan peranan dengan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga.

Jangan sudah terhantuk, baru nak tengadah. Bukan bertujuan menakut-nakutkan rakyat, sebaliknya sebagai langkah pencegahan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## PREDICAMENT

# ZALIHA: KEEPING FREE HEALTHCARE SYSTEM TOUGH

Govt struggling amid rising costs, ageing population, says health minister

## KUALA LUMPUR

**T**HE government is increasingly finding itself struggling to maintain a free healthcare system, especially in the face of rising costs and an ageing population.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the predicament was not only faced by Malaysia but in the United Kingdom as well.

She said like the UK, Malaysia had a free healthcare system that equitably provided quality care.

"Just like the UK, Malaysia is increasingly struggling to maintain its (healthcare) services, especially in the face of rising costs and an ageing demographic," she said in a posting on Twitter yesterday.

Earlier, Dr Zaliha uploaded a message on her attendance at the 152nd World Health Organisation (WHO) executive

board meeting.

On her journey home, she briefly stopped in the UK to participate in a panel discussion at the University of Oxford.

"The discussion emphasised the need to secure healthcare services in the future in line with ongoing efforts of the Health White Paper.

"A framework for more sustainable and resilient healthcare services will be provided to meet the needs of the people," she said.

The discussion panel was also attended by Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and the university's Associate Professor of Cardiovascular Medicine, Dr Masliza Mahmud.

The discussion touched on several topics, including challenges facing healthcare systems round the world and research collaboration across borders.